

Impak Globalisasi Komuniti kraf : Paradigma Seni Wanita Melayu Sarawak

Hjh. Nazlina Shaari
Norhayati Binti Suleiman

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Universiti Malaysia Sarawak
snazlina@faca.unimas.my
snorhayati@faca.unimas.my

Abstrak

Seni dan budaya di kalangan masyarakat Melayu bertitik tolak daripada pelbagai pengaruh dari luar melalui pengalaman yang diwarisi serta gaya hidup seharian. Ia memainkan peranan penting dalam membina tradisi Melayu yang lebih kreatif, inovatif dan dinamik. Melalui proses transformasi inilah berlakunya paradigma seni kraf dalam masyarakat wanita Melayu moden hari ini dari segi penghasilan seni kraf iaitu melalui pengaplikasian teknologi, pengabungan ilmu yang universal baru dan lama. Walaubagaimana pesatnya transformasi budaya tersebut di dalam masyarakat Melayu, struktur sosial dari segi adat, seni dan tradisi tetap dipertahankan. Kajian ini melibatkan penganalisaan pegerakan seni wanita Melayu di Sarawak serta cabaran seni tekstil dan kraf komuniti Sarawak di dalam menjanakan ekonomi keluarga selari dengan pertumbuhan budaya popular moden. Ia juga mengenalpasti keistimewaan dan identiti seni budaya tersebut dalam menghadapi pasaran global berlandaskan pengubalan Dasar Kerajaan. Hasil dapatan kajian mendapati perkembangan seni tekstil dan kraf bagi kaum wanita di Sarawak adalah tidak statis. Ini adalah disebabkan penerapan konsep perkongsian ilmu secara terbuka bagi mengisi kestabilan antara tradisi dan perubahan moden yang lebih kompetitif dan rasional. Terdapat dua proses utama yang dikenalpasti di kalangan komuniti kraf wanita Melayu Sarawak dalam penghasilan kesenian mereka iaitu proses akulturasi dan proses asimilasi. Mereka menjadikan pengalaman seni kerajinan tangan tekstil sebagai teras kepada pengekalan identiti Melayu yang mana penggabungan unsur-unsur lama dan baru diterapkan di dalam kraf mereka. Penubuhan persatuan-persatuan dan pusat kemahiran anjuran sektor awam dan swasta seperti persatuan ibu tunggal, W.I, Koperasi Wanita Sarawak, pusat pembangunan jati diri, pusat latihan belia, kraftangan dan sebagainya, telah memberi peluang kepada wanita di Sarawak untuk menjana pendapatan sendiri dan secara langsung mempertingkatkan ekonomi negara.